

Projek pembangunan perlu laporan EIA

UM 16/06 (Selasa)

Pm. Ng.

PUTRAJAYA 5 Jun - Semua projek pembangunan pada masa depan tidak akan dikecualikan daripada menyediakan laporan Kesan Alam Sekitar (EIA).

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Suboh Mohd. Yassin berkata, pihaknya dalam proses meminda Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 bagi mewajibkan semua projek pembangunan melibatkan keluasan kurang 50 hektar menyediakan laporan EIA.

Menurutnya, pindaan itu mencadangkan supaya keluasan kawasan pembinaan yang diwajibkan menyediakan EIA dikecilkan kepada 20 hektar.

"Kalau ada permohonan kurang daripada itu hanya kerana dia nak mengelak daripada EIA, kita akan pastikan supaya mereka juga perlu menyediakan EIA," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mewakili Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid menyampaikan Anugerah Perkhidmatan cemerlang 2005 peringkat kementerian di sini, hari ini.

Pindaan akta akan merangkumi aspek pencemaran alam sekitar dan kini di peringkat kajian Jabatan Peguam Negara

SUBOH

MOHD. YASSIN

Ketua Setiausaha

Kementerian

Sumber Asli dan

Alam Sekitar

Suboh berkata, cadangan mengenai pindaan akta tersebut yang akan turut merangkumi aspek pencemaran alam sekitar, kini di peringkat kajian Jabatan Peguam Negara dan dijangka siap tidak lama lagi.

Mengelak

Mengulas kejadian tanah runtuh di Kampung Pasir, Hulu Klang baru-baru ini, beliau berkata, ia menunjukkan pemaju perumahan di kawasan terbabit cuba mengelak daripada menyediakan EIA dengan memecahkan kawasan projek kepada beberapa *parcel* atau bahagian.

Bagaimanapun, katanya, apabila diperhatikan, kawasan projek terbabit sebenarnya berdekatan antara satu sama lain.

"Kadang-kadang mereka lakukan ini untuk mengelak menyediakan laporan EIA. Tetapi, bila kita perhatikan, ia sebenarnya berdekatan satu sama lain, jadi pada masa depan kita tidak akan kecuai-kan mereka daripada dapatkan EIA," katanya.

Beliau turut mengakui tindakan tersebut merupakan antara taktik pemaju bagi mengelak menyediakan laporan EIA.

Dalam kejadian 31 Mei lalu, empat beranak mati tertimbus apabila dikatakan berlaku pergerakan tanah berikutan kerja-kerja pembinaan rumah di kawasan terbabit.

Terdahulu, dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Suboh, Azmi mengingatkan semua kakitangan kementerian supaya sentiasa peka terhadap bidang tugas masing-masing.